

Jadikan pendidikan sebagai industri: PM

B.H 1 SEP 1993

Oleh Mutazar Abdul Ghani

KUCHING, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya kepakaran dan kemahiran pendidikan tinggi di negara ini dijadikan satu komoditi untuk dieksport ke luar negara.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab sistem pendidikan tinggi negara tidak dapat dijadikan satu industri, seperti yang dilakukan negara asing yang berlumba-lumba mengadakan program pendidikan kembar dan sebagainya dengan Malaysia.

"Kita tidak boleh berdiam diri dengan hanya menerimanya saja, tetapi sebaliknya perlu berikhtiar untuk memasarkan kepakaran dan kemahiran pendidikan kepada komuniti antarabangsa," katanya di majlis perletakan batu asas Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan, 27 kilometer dari sini, petang ini.

Turut hadir Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri Pendidikan, Datuk Sulaiman Daud, Pengerusi Majlis Unimas, Tan Sri Bujang Mohd Noor dan beberapa Menteri Kabinet Pusat dan Negeri.

Projek berharga RM15.6 juta yang sudah siap 70 peratus dijangka selesai sepenuhnya pada bulan depan.

Unimas berupaya menampung 15,000 pelajar apabila kampus induknya siap.

Dr Mahathir berkata, universiti tempatan hendaklah bergerak ke arah menetapkan kualiti yang tinggi dalam semua aspek kegiatannya supaya dapat menjadi contoh di rantau ini, dan pada masa yang sama membolehkan kemahiran negara dalam bidang pendidikan tinggi dieksport.

Beliau berkata, walaupun sistem universiti negara ini masih baru berbanding di negara maju, namun Malaysia harus bertekad untuk meningkatkan mutu pendidikan universiti.

Sehubungan dengan itu, katanya, budaya kecemerlangan perlu dijadikan asas dan amalan sesebuah universiti, iaitu dengan menjadikan kriteria ganjaran sebagai sesuatu yang dapat meningkatkan mutu itu.

Dr Mahathir berkata, dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) pula, universiti tempatan perlu membandingkan diri mereka dengan institusi pendidikan lain, khususnya di luar negara.

Menurutnya, universiti perlu bersaing bukan saja di peringkat kebangsaan, tetapi juga di peringkat antarabangsa kerana ia adalah budaya persaingan dan cabaran yang harus dihadapi oleh semua sektor.

"Pasaran kita bukan lagi dalam negeri malah di medan antarabangsa. Universiti harus menyemaikan sema-

LIHAT MUKA 2

Sanggup belanja asal manfaatkan rakyat

DARI MUKA 1

B.H 1 SEP 1993

ngat bersaing di kalangan pelajar serta kalangan komuniti kampus dan luar kampus," katanya.

Beliau berkata, penyelidikan juga harus ditumpukan kepada aspek masa kini dan seiring dengan keutamaan negara agar dapat digunakan terus da-

lam proses pembangunan. "Hasil penyelidikan hendaklah lebih berfokus kepada proses pembangunan negara bagi memenuhi keperluan industri dan masyarakat. Ahli akademik tidak seharusnya menyetepikan keperluan industri tempatan

bagi menghasilkan bahan penyelidikan bertaraf tinggi.

"Kerajaan bersedia memperuntukkan beribu-ibu juta ringgit asalkan ia memberi manfaat kepada rakyat," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, dalam mencapai

pembangunan negara amnya dan matlamat universiti khususnya, universiti juga perlu bekerjasama dengan kerajaan.

Katanya, kerajaan sedia menerima idea dan hasil penyelidikan yang dapat menguntungkan negara dan rakyat.